

Terbitan : Dewan Ekonomi | Info Cukai
Keluaran : Disember 2025
Tajuk : Sekatan Perjalanan
Cerminan Tanggungjawab Cukai dan Nilai Integriti

Info Cukai

Oleh: HASIL



SEKATAN PERJALANAN Cerminan Tanggungjawab Cukai dan Nilai Integriti

Perjalanan ke luar negara menjadi sebahagian daripada gaya hidup masyarakat moden, sama ada atas urusan pekerjaan, pendidikan, rawatan kesihatan, perniagaan atau menziarahi keluarga. Namun begitu, di sebalik kesibukan membuat persiapan, terdapat satu perkara penting yang sering diabaikan, iaitu status tanggungan cukai yang belum diselesaikan.

Penunaian tanggungjawab cukai bukan sekadar memenuhi tuntutan undang-undang, tetapi turut mencerminkan kejujuran dan nilai integriti dalam diri setiap individu. Pengabaian kewajipan menuntut Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) memainkan peranan penting bagi memastikan sistem percukaian negara kekal adil, telus dan berfungsi dengan baik.

Satu daripada langkah penguatkuasaan yang dilaksanakan ialah sekatan perjalanan, iaitu suatu mekanisme kawalan yang sering disalah tafsir sebagai hukuman. Pada hakikatnya, tindakan tersebut merupakan langkah terakhir bagi memastikan keadilan fiskal ditegakkan dan keseimbangan sistem percukaian negara terus terpelihara.

Langkah ini bukan bertujuan menyekat kebebasan rakyat, sebaliknya menjadi peringatan bahawa kebebasan datang seiring dengan tanggungjawab. Dalam konteks yang lebih luas, sekatan perjalanan menandakan bahawa kesejahteraan fiskal negara bergantung pada kejujuran dan kepatuhan setiap warganya.

Di Sebalik Peruntukan Undang-undang

Kuasa untuk melaksanakan sekatan perjalanan diperuntukkan di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976). Berdasarkan peruntukan ini, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) boleh menghalang individu atau pengarah syarikat daripada meninggalkan Malaysia sekiranya masih mempunyai tunggakan cukai.

Tindakan tersebut bukan bersifat menghukum, tetapi bertujuan memupuk akauntabiliti dan disiplin kewangan dalam kalangan pembayar cukai. Langkah ini hanya dilaksanakan setelah pelbagai peringatan dan peluang penyelesaian diberikan, menjadikannya tindakan terakhir untuk memastikan tanggungjawab fiskal tidak dipandang ringan.

Siapakah yang Tertakluk?

Secara umum, sekatan perjalanan boleh dikenakan terhadap dua kumpulan utama:

1. Individu yang mempunyai tunggakan Cukai Pendapatan atau Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT); dan
2. Pengarah syarikat yang bertanggungjawab terhadap tunggakan cukai syarikat, khususnya mereka yang memiliki sekurang-kurangnya 20 peratus pegangan saham.

Langkah ini tidak mengenal status atau kewarganegaraan. Selagi pendapatan diperoleh di Malaysia, individu tersebut tertakluk pada undang-undang percukaian negara. Hal ini selaras dengan prinsip keadilan fiskal tanpa pengecualian.

Proses yang Telus dan Berhemah

Bagi melaksanakan sekatan perjalanan, HASiL menekankan pendekatan berperingkat dan berhemah. Sebelum tindakan diambil, pembayar cukai akan menerima notis rasmi, e-mel dan panggilan peringatan. Dalam tempoh tersebut, mereka boleh membuat semakan dan pembayaran melalui Portal MyTax, platform digital HASiL yang menyediakan pelbagai kemudahan seperti semakan baki cukai, bayaran melalui ByrHASiL dan saluran komunikasi terus dengan pegawai bertugas.

Pendekatan ini mencerminkan komitmen HASiL bagi melaksanakan penguatkuasaan yang profesional dan telus, di samping memberikan ruang yang mencukupi kepada pembayar cukai untuk melunaskan tunggakan cukai mereka dengan cara yang mudah dan beretika.

Langkah Proaktif Sebelum Penerbangan

Bagi mengelakkan pembayar cukai terkandas di lapangan terbang, HASiL menyarankan agar pembayar cukai membuat dua semakan penting sebelum merancang perjalanan ke luar negara:

1. **Semakan status cukai** dan sekatan perjalanan melalui Portal MyTax bagi memastikan tiada tunggakan aktif; dan
2. **Semakan status sekatan perjalanan** menerusi laman rasmi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui pautan <https://sspi.imi.gov.my/sspi/>.

Langkah mudah ini bukan sahaja mengelakkan kesulitan, malah menunjukkan kepekaan terhadap urusan kewangan peribadi, serta mencerminkan disiplin dan tanggungjawab yang tinggi dalam kalangan rakyat.

Penyelesaian Lebih Mudah dengan e-Sekatan Perjalanan

Sekiranya sekatan telah dikenakan, pembayar cukai tidak perlu gusar. HASiL kini memperkenalkan perkhidmatan e-Sekatan Perjalanan melalui Portal MyTax, satu inovasi digital yang mempercepat urusan pembatalan sekatan dengan hanya beberapa langkah dalam talian.

Kemudahan ini boleh digunakan sekiranya pembayar cukai memenuhi syarat yang berikut:

1. Individu warganegara Malaysia;
2. Tunggakan cukai telah dilunaskan sepenuhnya;
3. Kes sekatan di bawah ACP 1967; dan
4. Tidak melibatkan kes pengarah syarikat.

Pemohonan yang layak dan disertakan dengan bayaran penuh akan diproses dalam tempoh lima hari bekerja.

Proses yang mesra pengguna ini membolehkan pembatalan dilakukan tanpa kehadiran fizikal ke pejabat HASiL. Bagi kes yang tidak memenuhi syarat, pembayar cukai masih boleh memohon secara manual menerusi saluran rasmi melalui pautan maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my.

Ruang Rundingan dan Pelepasan Sementara

HASiL turut memahami bahawa kemampuan kewangan setiap individu berbeza. Oleh itu, ruang rundingan dan penstrukturan semula bayaran secara ansuran disediakan bagi membantu pembayar cukai menyelesaikan tunggakan tanpa membebankan kewangan mereka.

Dalam situasi tertentu, permohonan pelepasan sementara sekatan perjalanan boleh dipertimbangkan atas sebab munasabah seperti urusan rasmi, rawatan perubatan atau keperluan keluarga. Permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan dan bukti kukuh bagi tujuan kelulusan.

Pendekatan ini memperlihatkan sisi berperikemanusiaan dalam pelaksanaan dasar percukaian negara, seiring dengan aspirasi untuk menggalakkan pematuhan cukai secara sukarela.

Peringatan Akhir: Elak Jadi Mangsa Penipuan

Masyarakat juga perlu berwaspada terhadap individu atau ejen tidak sah yang menawarkan khidmat pembatalan sekatan dengan bayaran tertentu. Semua urusan rasmi hendaklah dilakukan hanya melalui saluran sah HASiL bagi mengelakkan risiko penipuan dan penyalahgunaan maklumat peribadi.

Menyeimbangkan antara Hak dengan Tanggungjawab

Sekatan perjalanan bukan sekadar mekanisme penguatkuasaan, tetapi simbol keseimbangan antara hak dengan tanggungjawab. Kebebasan untuk melangkah keluar dari sempadan negara harus seiring dengan kesedaran menunaikan tanggungjawab kepada negara.

Dalam membina negara yang makmur dan berdaya saing, nilai integriti dan kepatuhan kepada undang-undang cukai menjadi asas sebenar kepada kebebasan dan kepercayaan rakyat. HASiL sebagai pemegang amanah fiskal negara terus komited memastikan setiap langkah penguatkuasaan dilaksanakan berlandaskan prinsip keadilan dan integriti kerana kebebasan itu benar-benar bermakna hanya dengan penunaian tanggungjawab.

